

# Wawasan bekas tentera British

## KBTBM usaha kesan rakan, balu, wujudkan generasi kedua

B/H 28/9/12  
MS 8/9.

**Mohd  
Azis Ngah**

azis@bharian.com.my



**S**EJARAH membuktikan peralihan kuasa politik di Tanah Melayu berlaku secara aman dan sistematis hasil kerjasama erat pemimpin tempatan dengan pemimpin British sepanjang proses menuntut kemerdekaan negara.

Itu satu fakta yang tidak dinafikan tetapi peralihan kuasa kerajaan daripada empayar British itu juga dibantu pelan sistem pertahanan yang baik termasuk dalam bidang ketenteraan dan keselamatan dalam negeri melalui kuasa polis.

British sudah menyediakan satu tapak atau platform khas kepada tentera dan polis sebagai persediaan memerintah sendiri negara tercinta.

Sudah pasti sesiapa saja yang terbabit dalam proses ini tentunya berasa bangga kerana mereka sebahagian daripada proses sejarah dan jika masih hidup, mereka golongan paling benci melihat golongan tertentu pada hari ini yang tidak tahu bersyukur hidup di negara yang aman, hasil perjuangan generasi lama.

Sebahagian daripadanya termasuk dalam kategori itu ialah rakyat tempatan yang pernah berkhidmat dalam pasukan tentera British. Kini, walaupun jumlah yang masih hidup makin berkurangan kerana lanjut usia, masih ada saki baki mereka yang bernaung di bawah Kelab Bekas Tentera British Malaysia (KBTBM).

Peluang bertemu dengan sekumpulan 'orang kuat' KBTBM memberi ruang mendapatkan maklumat mengenai hala tuju perjuangan mereka yang belum selesai serta mendapatkan sendiri komen mengenai pembabitan anak watan dalam Tentera British yang pernah bergelar penjajah di Tanah Melayu.



**SALAH** seorang anak Melayu berkhidmat sebagai tentera British di Borneo.

Bak kata Mejar (B) David Ling Heng Woon, 65, British berjaya menyediakan satu landasan atau acuan tepat kepada tentera tempatan untuk meneruskan kesinambungan mengekalkan sistem pertahanan yang baik.

"Kami dilatih dengan semangat nasionalis tinggi, cintakan negara. Sebab itu, apabila British berundur, pasukan tentera kita sudah cukup bersedia dan terus meningkat hingga sekarang.

"Cuba bandingkan dengan negara lain yang bergolak sekarang, apabila tentera pasukan pengaman berundur, mereka masih gagal mentadbir negara sendiri, masih kucar kacir. Sedangkan, Malaysia cukup berkesan dalam mengawal keselamatan negara," katanya yang juga Setiausaha Satu KBTBM dan antara ahli paling junior dalam pasukan.

Hakikat itu diakui rakan seperju-

ngan, Md Amin A Majid, 78, walaupun tujuan asal British menubuhkan pasukan tentera untuk melindungi industri perdagangan di rantau ini, tetapi ia memberi banyak peluang kepada anak watan berkhidmat dalam pasukan tentera.

"Kami berjuang menentang Tentera Jepun dan penganas komunis. Walaupun saya berkhidmat dalam kor logistik, memang sedih apabila melihat trak tentera dipenuhi askar terkorban, ada antara mereka rakan baik saya," katanya yang cukup sinis apabila ada pihak yang memperlekehkan perjuangan mereka.

Kini, kelab itu semakin aktif mencari semula bekas anggota yang pernah bersama dalam pasukan tentera British termasuk balu serta waris mereka dalam usaha mewujudkan pewaris generasi kedua.

Presiden KBTBM, Datuk Rahmat Ismail mengakui mereka langsung tidak

# 'Masihkah Kau Ingat' topik perbualan s

**T**EMANYA ialah 'Masihkah Kau Ingat. Setiap kali ahli Kelab Bekas Tentera British Malaysia (KBTBM) bertemu, mereka akan membincangkan kisah lama yang mencuit perasaan ketika masih berkhidmat.

Satu daripadanya ialah mengenai bagaimana perjalanan mereka menaiki kereta api dari utara Semenanjung menuju ke Singapura untuk menjalani latihan pertama di republik itu.

Pada September 1951, Presiden KBTBM, Datuk Rahmat Ismail bersama 54 rakan yang berasal dari Alor Setar, Kedah memulakan langkah pertama selepas diterima berkhidmat dengan Tentera British.

Perjalanan bermula jam 11 pagi dan sejak awal, ramai ahli keluarga berkumpul di stesen menghantar anak atau suami yang bakal menjadi tentera.

Perjalanan tren Keretapi Tanah Melayu (KTM) dari Stesen Alor Setar ke Bukit Mertajam, Pulau Pinang mengambil sehingga enam jam kerana kereta api berhenti di setiap stesen kecil untuk me-

nurun dan mengambil penumpang.

"Dulu kereta api menggunakan kayu api dan habuk arang berterbangan ke merata-rata. Itu baru betul-betul kereta api sebab guna kayu api," katanya tergelak dan masih ingat bagaimana habuk arang melekat pada kepala setiap kali menjenguk ke luar tingkap dan bau kayu terbakar melekat pada pakaian.

Sebaik tiba di Stesen Bukit Mertajam jam 6 petang, mereka terpaksa menunggu mel malam yang datang dari Prai, Pulau Pinang pada jam 8 malam. Mereka tiba di Stesen Kuala Lumpur lewat jam 9 pagi esok.

Ketika itu mel siang ke Singapura sudah berlepas dan terpaksa menunggu di platform hingga malam untuk menaiki mel malam.

Ketika itu, laluan kereta api sering menjadi sasaran penganas dengan megebom atau merosakkan laluan kereta api hingga memaksa KTM mendapatkan bantuan tentera yang menggunakan gerabak kosong dikenali pilot kecemasan sebagai persediaan menghadapi sera-

ngan komunis.

Antara kawasan sensitif yang sering menjadi sasaran komunis ialah di sekitar Sungai Siput, Padang Rengas hingga ke Tanjung Malim, Perak serta laluan antara Kulai dan Kluang, Johor.

"Gerabak pilot kecemasan itu diserang di Kulai, Johor dan tren kami terpaksa berhenti dan menunggu sehingga keadaan disahkan selamat. Saya dan rakan memang takut kerana bimbang komunis akan menyerang kami dalam kereta api penumpang.

"Ketika itu saya belum terlatih, belum ada senjata, nak lawan dengan apa. Cuma menunggu dan berdoa saja supaya semua selamat. Selepas beberapa jam, kereta api meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur dan kami dimaklumkan ia cuma serangan kecil membabitkan empat hingga lima komunis," katanya.

Selain itu Rahmat juga mengalami peristiwa pahit selepas beberapa tahun (pertengahan 1950-an) bertugas apabila rekrut baru yang dibawanya dari Kuala Lumpur diserang seorang askar Koman-



*Kami berjuang menentang Tentera Jepun dan penganas komunis. Walaupun saya berkhidmat dalam kor logistik, memang sedih apabila melihat trak tentera dipenuhi askar terkorban, ada antara mereka rakan baik saya*

**David Ling Heng Woon**  
Ahli KBTBM

AHLI KBTBM dari kiri, Abdul Aziz, Arshad Mat Yassin, Rahmat, Mohd Kassim Othman, Md Amin, Heng Woon dan Abd Aziz Joned melihat foto ketika berkhidmat sebagai tentera British.





Abdul Aziz Joned

mempunyai kepentingan peribadi tetapi penubuhan kelab yang baru berusia lima tahun itu sebagai tanda sokongan kepada kerajaan yang mengiktiraf hasil perjuangan mereka.

“Kerajaan mengiktiraf kami sebagai anak watan yang membentuk pasukan tentera mempertahankan negara. Sama seperti tokoh pahlawan Allahyarham Leftenant Adnan Saidin. Itu satu penghormatan besar kepada golongan seperti kami,” katanya yang mencecah usia 85 tahun.

Selain KBTBM, ada satu lagi Persatuan Bekas Tentera British (PBTB). Perbezaannya ialah, ahli KBTBM pernah berkhidmat dengan British sebelum meneruskan khidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), manakala ahli PBTB adalah tentera yang cumà berkhidmat dengan pasukan British dan tidak menyambung khidmat dengan ATM.

Ketika ini, KBTBM mempunyai kira-kira 400 ahli berdaftar dan mengangarkan jumlah sebenar bekas Tentera British yang menyambung perkhidmatan ATM mencecah hampir 1,000 tetapi gagal dikesan.

Pada usia emas, ahli kelab sebenarnya cukup berminat dengan satu agenda iaitu mendapat peluang bertemu semula rakan seperjuangan lama, berkongsi kisah silam, bertanya khabar dan saling membantu satu sama lain selagi termampu.

Perjuangan KBTBM masih sama seperti ketika dalam pasukan tentera. Mereka tidak akan sesekali meninggalkan anggota bersendirian hidup dalam kesusahan dengan membantu selagi terdaya.

Rahmat Kor Royal Army Services, menegaskan, atas prinsip setia kawan itulah mereka masih berusaha mencari rakan seperjuangan yang sudah terpisah atau waris.

Timbalan Setiausaha KBTBM, Mejar (B) Abdul Aziz Mahmud juga mempunyai pandangan sama dengan menganggap perjuangan mereka kini lebih kepada usaha menyuntik semangat supaya rakan seangkatan terus hidup tanpa merasa dipinggirkan atau tersisih daripada pembelaan sewajarnya.

Ramai antara mereka yang terputus hubungan tidak mendapat maklumat mengenai pelbagai kemudahan disalurkan kerajaan terutama melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), iaitu badan induk kepada bekas tentera.

Selain itu, mereka juga mahu berkongsi pengalaman pejuang lama dengan pewaris generasi kedua supaya semangat perjuangan mempertahankan negara tidak disisihkan.

## etiap kali pertemuan

wel dalam kereta api Seremban.

“Ia digelar ‘Peristiwa 13’ kerana berlaku pada 13 hari bulan dan saya diarah membawa 13 rekrut untuk dibawa ke Singapura. Sebaik tiba di Seremban, seorang askar daripada King African Riffle mengamuk dan menembak penumpang. Seorang anggota saya terbunuh,” katanya.

Suspek dikatakan sedang bercuti dan ketika itu, semua askar bercuti dibenarkan membawa senjata. Sehingga kini, Rahmat tidak tahu punca askar dari Afrika mengamuk yang mengorbankan anggotanya.

Dulu, katanya mereka cukup bangga apabila terpilih menyertai tentera walaupun menyedari risiko serta menerima gaji yang rendah, sekitar RM70 sebulan.

Kini, apabila mengenangkan semua itu, Rahmat dan rakan berbangga kerana mereka sebahagian daripada kumpulan kecil yang terbabit dalam proses pembentukan negara.

Sebab itu, mereka sering memulakan bicara ‘Masihkah Kau Ingat’. Ingatan me-


reka cukup kuat jika berbicara mengenai kisah di Tanjong Pagar, Tanjung Katong, Pasir Panjang, Geylang Serai, Pulau Belakang Mati.

Beberapa nama bersejarah di Singapura itu semakin hilang satu demi satu daripada pandangan mereka akibat arus pembangunan terutama selepas republik itu berpisah daripada Malaysia.

Mengakhiri perbualan, Rahmat berkata, bagi rakan mereka yang pernah berkhidmat dengan Royal Artillery dan Royal Army Services Cor (RASC) Water Bond, mereka tentunya masih ingat bagaimana mengendalikannya bot dan feri dari tanah besar ke Pulau Belakang Mati menepati Kem Tentera Meriam.

“Sekarang pulau itu sudah bersambung dengan tanah besar dan ditukar nama menjadi Pulau Sentosa. Tempat itu sudah jadi lombong emas Singapura, banyak pusat perjudian dan Kasino di situ.

“Stesen Tanjong Pagar pun dah ditutup...itu semua kenangan indah bagi kami,” katanya yang menamatkan perkhidmatan dengan pangkat Staf Sarjan.



*la digelar ‘Peristiwa 13’ kerana berlaku pada 13 hari bulan dan saya diarah membawa 13 rekrut untuk dibawa ke Singapura. Sebaik tiba di Seremban, seorang askar daripada King African Riffle mengamuk dan menembak penumpang. Seorang anggota saya terbunuh*

**Rahmat Ismail**  
Presiden KBTBM